



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mail: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02371

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

26 Mac 2024

MAJLIS BERBUKA PUASA MAHASISWA MAHASISWI PENGAJIAN TINGGI DI SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR KETUA MENTERI SABAH MERANGKAP Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah

PULAU PINANG (Selasa) : Kumpulan Yayasan Sabah menganjurkan majlis berbuka puasa bagi membantu mengubat rindu para siswa-siswi yang sedang menuntut di Semenanjung Malaysia, kata Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar dalam satu kenyataan hari ini.

Majlis Berbuka Puasa Mahasiswa dan Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia bersama Ketua Menteri Sabah Merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor ini telah diadakan pada 25 Mac 2024 bertempat di SETIA SPICE Convention Centre, Pulau Pinang.

Seramai 1,400 orang para siswa-siswi dari 22 buah institusi pengajian tinggi di Zon Utara dan Timur Semenanjung Malaysia telah berkumpul di Pulau Pinang untuk acara tersebut.

“Penganjuran program berbuka puasa ini merupakan salah satu bentuk penghargaan dan pembakar semangat bagi anak-anak Sabah yang sedang berjuang menimba ilmu di perantauan. Saya faham, bukan mudah duduk berjauhan dari keluarga tercinta. Kami menghargai pengorbanan anda demi pendidikan,” ujar Dato' Sri Haji Gulamhaidar dalam kenyataan akhbar beliau.

Tambah beliau lagi, program ini juga memberi ruang kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk beramah mesra bersama pemimpin-pemimpin negeri dan juga sesama rakan lain yang menuntut dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia di samping mempamerkan keunikan budaya negeri Sabah yang hidup aman dan harmoni.

Majlis tersebut diisi dengan pengisian tazkirah Ramadan, jamuan berbuka puasa, solat maghrib, isyak dan tarawih berjemaah.

Majlis berbuka puasa bersama mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia ini merupakan program tahunan Kumpulan Yayasan Sabah yang telah diadakan sejak tahun 2005.



Gambar 1 : Datuk Seri Panglima Haji Hajiji menyampaikan duit raya kepada kepada salah seorang wakil siswa Sabah.



Gambar 2 : Datuk Seri Panglima Haji Hajiji beramah mesra bersama siswa dan siswi.



Gambar 3 : *Gambar berkumpulan.*

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi :

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com